



Ruj Kami : HJ/SH/P04/2021 (1)

Tarikh : 26 April 2021

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah diperlawa kepada syarikat/pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang **221506 (Menyewa Ruang Meniaga)** dan mempunyai Sijil Bertaraf Bumiputera yang masih sah tempohnya menyertai sebutbarga seperti berikut:

NO. & TAJUK SEBUTHARGA	TEMPAT DAN MASA DOKUMEN DIPEROLEHI	KOD BIDANG	TARIKH/MASA/ TEMPAT/ TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
No Sebutbarga : HJ/SH/P04/2021 Tawaran Perkhidmatan Menyewa dan Menguruskan Ruang Kedai di Hospital Jeli, Kelantan bagi tempoh dua (2) tahun (2021-2023)	Pejabat Pentadbiran, Hospital Jeli Pada waktu pejabat seperti berikut: Hari : Ahad -Rabu Masa : 9.00 pagi - 1.00 Tengahari, 2.30 petang – 4.30 Petang Hari : Khamis Masa : 9.00 pagi- 1.00 Tengahari 2.30 petang - 3.30 Petang <u>HARGA DOKUMEN</u> PERCUMA	221506	Tarikh Iklan: 03 Mei 2021 (Isnin) Tarikh Taklimat/Lawatan Tapak: 18 Mei 2021 (Selasa) Masa : 10.00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Hospital Jeli Taklimat/Lawatan Tapak adalah WAJIB	25 Mei 2021 (Selasa) pada jam 12.00 tengahari Sebutbarga yang lewat diterima tidak akan dilayan

1. Dokumen Sebutbarga boleh diperolehi selepas Lawatan Tapak diadakan mulai **18 Mei 2021 (Selasa)**

2. Syarikat/pembekal yang ingin menyertai sebutharga tersebut di kehendaki membawa Sijil ASAL Kementerian Kewangan Malaysia berdaftar didalam kod bidang berkaitan serta memberi satu salinan fotostat sijil (tidak dikembalikan) bagi tujuan pengesahan pendaftaran dan lawatan tapak. **(Pemilik lesen dikehendaki hadir taklimat/lawatan tapak. sila bawa bersama cop rasmi syarikat semasa pendaftaran lawatan tapak)**
3. Tawaran **kewangan dan Teknikal** yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan kedalam Peti Sebutharga tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada **25 Mei 2021 (Selasa)**
4. Tawaran Kewangan dan teknikal juga hendaklah dihantar bersama dokumen lain dengan dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat yang berlainan serta dicatatkan Tajuk Sebutharga dan Nombor Sebutharga pada penjurong kiri sampul bagi kedua-dua sampul surat (Kegagalan mencatatkan Nombor Sebutharga akan menyebabkan sebutharga tidak akan dipertimbangkan). Kedua-dua sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlainan dan dimasukkan kedalam Peti Sebutharga di alamat:-

Pengarah Hospital
Hospital Jeli
17600 Jeli
Kelantan


5. Hospital Jeli tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana tawaran yang dikemukakan melalui pos. Sebutharga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.
6. Hospital Jeli tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi atau mana-mana tawaran yang memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebutharga.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID -19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. MUHAMAD FIDAIE BIN ABDUL KADIR)

No. Pendaftaran MPM : 40493

Pengarah Hospital

No. Tel : 09-9443300

No. Faks : 09-9440068

Alamat emel : drfidaie@moh.gov.my